



NOTIS MAKLUMAN

HEBAHAN MENGENAI BORANG PEMBERITAHUAN PERSARAAN / TAMAT PERKHIDMATAN (LAMPIRAN C)

Berkuat kuasa 1 Januari 2023, LPPSA telah melaksanakan pengintegrasian sistem dengan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) yang memudahkan pengeluaran arahan potongan pencen (APP) bagi bayaran balik pembiayaan perumahan LPPSA kepada pelanggan melalui perkongsian data persaraan daripada KWAP.

Sehubungan itu, **penggunaan Borang Lampiran C pemberitahuan bagi persaraan kepada LPPSA oleh pesara JPA/KWAP telah dimansuhkan bermula 1 Mei 2023.**

Walau bagaimanapun, pemansuhan Borang Lampiran C tidak terpakai kepada persaraan berpencen melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV). Bakal pesara di bawah JHEV perlu melengkapkan Borang Lampiran C dan menghantar borang tersebut kepada LPPSA dalam tempoh masa enam (6) bulan sebelum daripada tarikh persaraan seperti prosedur sedia ada.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

28 NOVEMBER 2024